



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (93)
Tarikh : 23 Disember 2021

SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED MEMUDAHCARA PELAKSANAAN EKONOMI KITARAN DENGAN MENGADAKAN SESI LIBAT URUS KE ARAH PENUBUHAN MAJLIS EKONOMI KITARAN NEGARA

PUTRAJAYA, 23 Disember 2021 – YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada hari ini telah menyempurnakan **Sesi Libat Urus Ke Arah Penubuhan Majlis Ekonomi Kitaran Negara** bertempat di Hotel Marriot Putrajaya. Sesi tersebut dihadiri oleh Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Sesi ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas amalan terbaik, kaedah dan pelaksanaan untuk memperkasakan ekonomi kitaran dalam ruang lingkup amanah dan tanggungjawab bersama agar Malaysia mampu bergerak seiring dengan negara-negara lain dalam menerajui konsep ekonomi kitaran ini. Sehubungan itu, sesi ini memberi fokus kepada agenda kesepakatan iaitu menggariskan tumpuan utama pemerksaan ekonomi kitaran negara, membina kerangka tindakan dan mengupayakan semua pihak sebagai agen pemboleh (*enabling agents*) ke arah agenda Nasional ini.

Menurut YBhg. Datuk M. Nor Azman bin Taib, “Agenda Ekonomi Kitaran telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di bawah Bab 8 : Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampuan dan Daya Tahan. Bagi memudahcara dan menyokong agenda tersebut, KPKT akan membangunkan Pelan Hala Tuju (Roadmap) Pengurusan Sisa Pepejal Ke Arah Ekonomi Kitaran yang merupakan perancangan jangka masa panjang bagi melaksanakan transformasi dan mempercepat peralihan dari ekonomi linear ke ekonomi kitaran dalam pengurusan

sisa pepejal. Transformasi pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran yang menekankan amalan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan atau *Sustainable Consumption and Production* (SCP) ini dilihat dapat mengurangkan penjanaaan jumlah sisa pepejal dalam jangka masa panjang dan mengurangkan impak kepada alam sekitar bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs).”

Tambah beliau, bagi menyahut seruan dalam RMK12 ini, YB Menteri KPKT, Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican telah mengusulkan agar ditubuhkan satu platform nasional yang dipanggil sebagai Majlis Ekonomi Kitaran Negara yang antara lain dapat mempercepatkan agenda ekonomi kitaran secara kolektif, tersusun dan bersepadu. Sehubungan itu, penubuhan majlis ini juga merupakan antara agenda yang dibincangkan dalam sesi libat urus kali ini.

Bersandarkan kepada ekonomi kitaran sebagai peralihan baru, KPKT sebagai peneraju pengurusan sisa pepejal amat komited dalam meneruskan inisiatif-inisiatif ke arah merencanakan aktiviti kitar semula yang menyumbang kepada usaha untuk menjadikan sisa sebagai sumber. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah penguatkuasaan Pengasingan Sisa di Punca (SAS) di sektor isi rumah, sektor komersial, industri dan institusi serta sektor pembinaan serta Program Komuniti Sifar Sisa (KOSIS).

Fokus ekonomi kitaran tidak hanya tertumpu kepada pengurusan sisa pepejal sahaja tetapi turut melibatkan proses pembuatan dan penjualan sesuatu produk. Pendekatan yang holistik perlu digunakan bagi memastikan semua sisa pepejal yang dijana tidak berakhir di tapak pelupusan. Justeru, Majlis Ekonomi Kitaran Negara yang akan diwujudkan ini merupakan satu platform nasional berlandaskan pendekatan holistik merentasi sektor kerajaan dan swasta. Ia akan melibatkan keseluruhan jentera kerajaan (*whole-of-government*) yang merangkumi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan ia bersifat menyeluruh dan boleh dilaksanakan di seluruh negara.

KPKT sentiasa komited dalam soal daya huni atau liveability Keluarga Malaysia bagi memastikan pelaksanaan ekonomi kitaran mampu memperkasakan sektor-sektor utama di Malaysia seterusnya menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

